

01/03/2002

Pelajar ke luar negara wajib daftar Wisma Putra (HL)

Misiah Taib; Magendran Rajagopal

SEPANG, Khamis - Kerajaan akan mewajibkan setiap pelajar tempatan yang ingin menuntut di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra bagi memastikan mereka tidak memilih institusi tidak diiktiraf, sama ada oleh Malaysia atau negara berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu perlu bagi memastikan pelajar tempatan yang mendapat pendidikan di luar negara, terutama bagi mendalami ilmu Islam, mempelajarinya di institusi yang berdaftar dan diiktiraf.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memang tidak senang mengenai penghantaran pelajar tempatan, dengan kelayakan yang tidak diketahui, pergi ke luar negara kononnya untuk mempelajari agama.

Malah, ada yang didapati ke luar negara bukan untuk belajar agama, manakala sesetengahnya pergi ke institusi tidak diiktiraf, bukan saja oleh kerajaan, malah negara berkenaan sendiri.

"Kita sedang kaji bagaimana kumpulan pelajar ini boleh melanjutkan pelajaran, umpamanya ke Afghanistan, kerana mereka bukan pergi belajar agama, tetapi belajar bagaimana mengguling kerajaan menggunakan kekerasan.

"Justeru, kita perlu daftarkan nama mereka dan tentukan institusi yang mereka pergi. Kita dapati ada yang keadaannya amat daif sekali, tidak pun setaraf dengan sekolah menengah di sini. Namun, pelajar kita masih ke sana walaupun tidak ada pengesanan," katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari London petang ini.

Pihak berkuasa Yaman menahan 12 pelajar Malaysia yang menuntut di Maahad Tahfiz al-Quran di Taiz, 120 kilometer dari ibu negara Sanaa, kerana madrasah itu tidak berdaftar.

Mereka ialah Ahmad Faaiz Mohammad, 22; Muhammad Azrae Abdul Wahab, 23; Mohd Hairy Hanafiah, 19; Ismail Ibrahim, 25; Mohd Khirlee Musa, 15; Syamsul Musa, 22; Mohd Tarmizi Nordin, 22; Mohd Khairuddin Rashid, 15; Mohd Nakhori Ariffin, 23; Khairul Jasma Johari, 23; Mohd Khirzee Musa, 16, dan Aidil Fadli Misran, 20.

Mereka hanya dibebaskan tujuh petang tadi dan kini diletakkan di bawah jagaan Kedutaan Malaysia di Sanaa. Pihak berkuasa Yaman dilaporkan bersedia membantu menempatkan semula pelajar itu di institusi pengajian yang berdaftar di sana.

Dr Mahathir berkata, tindakan mewajibkan semua pelajar mendaftar dengan Wisma Putra sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negara akan memastikan perkara seumpama itu tidak berulang.

Katanya, pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negara, khususnya dalam bidang agama, perlu dipastikan mendapat ajaran agama yang betul serta sempurna.

"Kita dapati pelajar ini, apabila lulus di sana dan kembali ke tanah air, akan dianggap sebagai orang berkelulusan dalam bidang agama tetapi pengetahuan agama mereka cetek sekali.

"Ini akan menyumbang kepada kekeliruan di kalangan sebilangan besar rakyat Malaysia berkenaan agama Islam sehingga mereka tidak mengikut ajaran Islam sebenar," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan, syarat mendaftar dengan Wisma Putra itu merangkumi semua pelajar yang mahu melanjutkan pengajian ke luar negara tanpa mengira institusi mana, jurusan, bidang pengajian atau negara pilihan pelajar.

Perdana Menteri, yang kembali dari lawatan bekerja dan bercuti di luar

negara, mengucapkan terima kasih kepada mereka yang menyambut kepulangannya di Kompleks Bunga Raya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kira-kira 2,000 orang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri Kabinet berada di kompleks berkenaan apabila pesawat membawa Perdana Menteri mendarat kira-kira jam 6 petang.

Ketika di luar negara, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta beberapa menteri melawat benua Antartika, satu pengalaman yang disifatkannya sebagai sekali dalam hidupnya.

Beliau juga mengadakan lawatan kerja selama lima hari ke Britain termasuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Tony Blair.

Mengenai urusan pentadbiran negara sepanjang tempohnya berada di luar negara, Dr Mahathir berkata, hakikat bahawa semua urusan berjalan lancar di bawah pimpinan timbalannya, membuktikan struktur pemerintahan kerajaan sudah cukup mantap dan tidak mengharapkan kepada beliau seorang.

"Saya cukup puas hati, timbalan saya dapat menjalankan mesyuarat Kabinet, mesyuarat parti (Umno) dan urusan kerajaan lain. Tidak sekali pun beliau menelefon saya bagi meminta bantuan," katanya.

(END)